



# UMSKAL hargai sumbangan kakitangan

UB 23-5-2013 B2

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) sentiasa menghargai jasa dan sumbangan kakitangan yang berkhidmat di universiti itu.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata jasa dan sumbangan serta

**ISMAIL (tiga kanan)** menyampaikan cenderamata kepada Jorin diperhatikan Zamri (empat kiri) pada majlis perpindahan pegawai BPP UMS Labuan.

bakti pegawai dan kakitangan akan sentiasa diingati kerana mereka turut terbabit dengan pembangunan fizikal serta pentadbiran universiti.

Beliau berharap staf akan terus menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab berdasarkan misi dan visi universiti.

Ismail juga mahu setiap kakitangan menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk universiti dan bukannya disebabkan pegawai tertentu sahaja.

“Berkhidmatlah untuk universiti kerana di institusi pengajian tinggi inilah

tempat kita mencari rezeki. Kakitangan silih berganti tetapi UMSKAL akan terus wujud untuk berbakti kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perpindahan tiga kakitangan Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan (BPP) UMSKAL di Banglo UMSKAL, kelmarin.

Mereka ialah Jurutera Kanan, Jorin Matawas, Penolong Jurutera, Mohd Firdaus Anson dan Juruteknik, Herman Lairi yang akan bertukar ke UMS

Kota Kinabalu.

Mohd Firdaus ditempatkan di Bahagian Kejuruteraan Awam manakala Herman ke Bahagian Mekanikal dan Elektrikal Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan, UMS Kampus Induk.

Turut hadir Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah dan pegawaikan serta kakitangan UMSKAL.

Ismail mengucapkan terima kasih atas sumbangan mereka dalam membantu membangunkan UMS Labuan sejak tiga tahun lalu.